

Headline	Jangan sisih mereka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	482 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 17,801
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,404



Jangan sisih mereka

L'Oreal Malaysia, MAF lawat Rumah Wake 1 beri keceriaan kepada kanak-kanak dijangkiti HIV

>>Oleh Hajahfarhana Tarmudi
hajahfarhana@hmetro.com.my

SEMPENA sambutan Hari Aids Sedunia bertemakan Sifar Diskriminasi, Bahagian Produk Profesional (PPD) L'Oreal Malaysia dan Yayasan Aids Malaysia (MAF) bekerjasama meraikannya bersama kanak-kanak dijangkiti HIV dan Aids.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran di samping menentang prejudis dan diskriminasi terhadap penghidap Aids di kalangan orang ramai.

Menerusi kempen bertemakan 'Membawa Keceriaan Kepada Kanak-kanak', lebih 50 peserta daripada PPD L'Oreal Malaysia, MAF, pendandan rambut dan penduduk berhampiran berkumpul di Rumah Wake 1, Setapak, Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Komunikasi Perhubungan Awam PPD, L'Oreal Malaysia, Nicole Lee, objektif lawatan rumah perlindungan itu dilakukan untuk membawa keceriaan kepada penghuninya.

"Lawatan berkenaan sebagai usaha menghapuskan diskriminasi terhadap kanak-kanak dijangkiti HIV untuk melindungi dan

menghulurkan kasih sayang kepada mereka.

"Di bawah PPD dan rakan salun serta duta L'Oreal Artistic, Albert Nico, program berkenaan turut mengajak kanak-kanak menyanyi dan melakukan gerakan tarian 'Gangnam L'Oreal' untuk memberi keseronokan kepada mereka.

"Pihak kami juga mengambil peluang untuk sama-sama menghias pokok Krismas dengan lampu dan perhiasan agar mereka rasa disayangi," katanya yang turut menganjurkan aktiviti pertandingan melukis pada hari itu.

Acara berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan majlis penyampaian hadiah Krismas kepada kanak-kanak yang menghuni rumah perlindungan berkenaan.

Menyingskap kembali sokongan diberikan tahun lalu, sempena ulang tahun ke-10 kempen L'Oreal Hairdressers Against Aids, jenama berkenaan bekerjasama dengan rakan salun, selebriti dan MAF untuk menganjurkan Kempen Amal Potongan Rambut pada 25 dan 26 November 2011 di pusat beli-belah 1 Utama.

Kempen berkenaan berjaya mengumpul dana RM45,000 dan sumbangan

itu didermakan kepada MAF untuk membantu kanak-kanak dijangkiti HIV.

Program sokongan dianjurkan L'Oreal Foundation Enterprise dan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) itu bertujuan memperkasakan salun seluruh dunia menerusi hubungan unik mereka bersama pelanggan serta komuniti untuk menjadi sumber interaksi, mendidik dan membantu mencegah penyebaran HIV.

Memberi fokus untuk meningkatkan kesedaran dan menyalur maklumat menerusi modul pencegahan HIV dan Aids, ia dijadikan sebahagian daripada kursus latihan profesional pendandan rambut.

Sebaik menerima latihan berkenaan, mereka perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai atau pelanggan yang ditemui.

Selain menambah keyakinan kepada pelanggan melalui gaya potongan rambut yang diberikan, mereka juga dapat membantu menyampaikan maklumat penting mengenai pencegahan HIV dan Aids secara langsung.

Headline	Jangan sisih mereka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	482 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 17,801
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,404



CERIA...tarian Gangnam L'Oreal menjadi sebahagian aktiviti untuk menghiburkan penghuni Rumah Wake 1.



SEPAKAT...sama-sama menghias pokok Krismas.